

# SULTAN DAN SULTANAH

(oleh Ainba)

Orang-orang Turki titisan Bani Uthman telah mara merempuh selat-selat yang sempit dan menyerang negara-negara yang terletak di dalam Empayar Rom Timur yang berkedudukan di Timur Eropah.

Bahaya yang besar ini tidak pula menggerakkan orang-orang Rom yang sedang berbalah-balah dan berpecah belah supaya mereka melontarkan perbalahan sesama sendiri dan supaya mereka bersatu padu menentang serangan orang-orang Asia yang sedang berasa di muka pintu negerinya, malah ada setengahnya yang telah berhubung dan mengikat tali persahabatan dengan pihak seteru bagi menekan bangsanya sendiri yang berakibat telah menyebabkan orang-orang Turki melancarkan kekuasaannya dengan wadahnya.

Dalam tahun Masihi 1326 (726 H) sempurnalah kejatuhan Bandar “Barrossa” ke tangan al-Sultan Uthman (Pengasas kerajaan Uthmaniyyah – Turki) dan pada tahun itu juga ia telah mengangkat lali dikebumikan di bandar ini yang telah menjadi pusat kerajaan Turki pada masa itu.

Al-Amir “Orhan” yang berusia empat puluh enam tahun telah menggantikan kerajaan ayahanda lalu mara terus menghentam orang-orang Rom sehingga dapat menjejakkan kakinya di tanah besar Eropah.

Melihat kedudukan empayar Rom yang sedang kacau bilau dengan peperangan sesama sendiri dan keruntuhan akhlak penduduknya maka al-Sultan “Orhan” mulai mengatur rancangan-rancangannya bagi merebut peluang yang keemasan itu. Mujurnya pula ia telah mendapat bantuan besar daripada beberapa kejadian yang tidak disangka-sangka.

Setelah orang-orang Rom puas berperang sesama sendiri beberapa tahun maka jatuhlah kerajaan mereka kepada Maharaja “Jan Palaio Logos” yang masih budak mentah lagi, dengan dipangku oleh “John Kanta Kouzene” yang masyhur pintar dan kaya raya dengan tanah-tanahnya yang melaut-laut dan

binatang-binatang ternaknya yang beribu-ribu.

Maharani “Anne De Savoy” (ibu Maharaja John Palaio Logos) tidak senang hati melihat telatah pemangku raja yang nampak riak-riaknya hendak merampas kerajaan dan meletakkan mahkota di atas kepalanya sendiri. Iapun bersedia hendak merampas kekuasaan dari tangan “Kanta Kouzene” dan dengan itu empayar Rom telah terbahagi dua.

-----\*-----\*-----

Maharani “De Savoy” telah meminta bantuan daripada Sultan “Orhan” tetapi malang baginya, Kanta Kouzene telah memintas terlebih dahulu kerana ia telah mendapatkan Sultan Turki itu dan telah mengikat tali persahabatan dengan melonggokkan pundi-pundi emas di hadapannya dan menghadiahkan seorang anak perawannya yang cantik jelita sebagai menjadi tanda keikhlasan persahabatan itu. Dan sudah tentu pula Sultan Orhan telah menyambut pemberian-pemberian itu dengan sepenuh-penuh gembira dan telah berjanji akan memberi bantuan-bantuan yang dikehendakinya.

Kanta Kouzene pun berpaling kepada anaknya lalu berkata:

“Theodore... Engkau dari saat ini telah menjadi milik kepada sahabat dan rakan seperjuangan ayah, Sultan Orhan, moga-moga Tuhan akan menjadikan anakanda berbahagia di bawah naungannya...”

-----\*-----\*-----

Kepintaran lelaki telah dapat mengalahkan tipu daya perempuan. Sultan Orhan tidak menyempurnakan permintaan Maharani “Anne De Savoy” tetapi baginda telah perkenankan permintaan seterusnya “Kanta Kouzene” dan telah mengikat janji hendak merampas singgahsana Maharaja Palaio Logos yang muda itu. Baginda pun memanggil kedua-dua anakandanya – “Sulaiman” dan “Murad” yang menjadi panglima-panglima perangnya lalu diberitahu keduanya akan segala perjanjian yang telah dimeteraikan di antaranya dengan pihak Rom sambil bertitah:

“Aku telah lakukan yang demikian ini bukan kerana kasih kepada rakan kita yang baharu itu dan bukan pula kerana benci kepada seterusnya. Hanya sanya kerana ada faedahnya kepada kaum kita dari segala segi: Orang itu telah

menderhakan kepada rajanya, hal ini sudah tentu akan menambahkan kelemahan empayar Rom dan akan memberi kepada kita peluang supaya dapat mara dengan berleluasa atas namanya. Ia juga telah menyerahkan kepada kita sejumlah besar daripada emas yang boleh menutupi hajat kita berapa tahun, selain daripada persembaan kita dengannya disebabkan anakandanya “Theodore” menjadi isteriku yang kemudaannya akan menghidupkan kenanganku kepada “zaman sari, dan kemudaannya juga akan menghidupkan sedikit kepanasan dalam segala urat sarafku!”

“Sangat elok apa yang ayah lakukan itu, anakanda berdua sentiasa sedia mengerjakan apa yang ayah perintahkan bagi merempuh barang ke mana sahaja, sebagai menyokong rakan kita yang baharu itu.” Sembah kedua anakandanya Sulaiman dan Murad itu.

-----\*-----\*-----

Kejadian yang demikian ialah yang awal pertama berlaki seumpamanya di antara orang-orang Turki dengan orang-orang Rom. “Theodore, ialah Puteri Rom yang awal pertama diperisterikan oleh seorang Sultan Turki. Upacara perkahwinan agung ini telah selamat berlangsung dalam tahun 1340 M. (741 H.) dalam masa Sultan Orhan berusia enam puluh tahun. Dan semenjak hari itu “Theodore” pun bergelar “Sultanah Theodore”.

Setahun di belakang “Kanta Kouzene” dengan bantuan menantunya Sultan Turki telah berjaya menduduki singgah sana Byzantine (Rom Timur) dan telah berkekal selama tiga belas tahun memakai mahkota itu.

-----\*-----\*-----

Dua puluh tahun lamanya Sultanah Theodore berada dalam suatu masyarakat yang dagang kepadanya dengan tidak pula berlaku sesuatu yang mengeruhkan perasaannya. Ia telah dikasihi umat Turki dan ia telah berkekal setia kepada suaminya demikian juga Sultan Orhan tetap setia kepada segala janji yang dijanjikan olehnya kepada isterinya yang dikasihi itu.

Semenjak Theodore berpindah ke istana Sultan Turki

“di Barossa” ia telah meletakkan beberapa janji yang menghendaki Duli Yang Maha Mulia al-Sultan menunaikannya dengan amanah dan ikhlas.

“Patik ada mempunyai hajat hendak patik persembahkan kiranya Tuanku izinkan” sembah Theodore pada hari langsungnya yang berperistiwa itu.

“Segala apa yang awak sebutkan wahai Theodore adalah menjadi suatu titah perintah yang dengan serta merta akan tertunai. Sebutkanlah sahaja, Orhan sedia mendengar dan menunaikannya.” Jawab baginda sambil tersenyum.

– “Patik bermohon kiranya diizinkan hendak kekal atas agama datuk nenek patik.”

– “Pesenangkanlah hati wahai Theodore, awak akan berkekal atas agama lama awak, tidak ada sesiapa yang akan memaksa awak menukarnya.”

– “Patik berharap kiranya diizinkan supaya paderi Joe George tinggal di bandar ini dan tidak jauh dari istana, kerana ialah pandeta patik semenjak patik masih kecil dahulu”.

– “Joe George akan kita beri kepadanya sebuah rumah yang tidak jauh dari istana dan awak boleh berjumpa dengan dia pada sebarang ketika yang awak kehendaki”

– “Patik berharap kitanya diizinkan supaya patik setahun sekali pergi ziarah ibu bapa patik di Byzantine”

– “Bahkan pada tiap-tiap sebulan sekali jika Theodore berkehendak yang demikian itu.”

Inilah dia janji-janji yang telah mendapat persetujuan di antara Sultan Orhan dengan Permaisurinya Sultanah Theodore dan yang telah berjalan dengan baik selama 20 tahun.

Kemudian daripada itu telah berlaku perselisihan di antara Sultan Turki dengan menantunya Maharaja “Kanta Kouzene”. Meskipun Sultanah Theodore telah cuba mendamaikan tetapi telah terkecewa. Dalam pada itu ia tidak putus menziarahi ibu bapanya dengan tidak pula terlintas di hatinya hendak lari atau hendak tinggal di Byzantine bersama-sama kaum keluarganya.

(sambungannya pada muka 38)

(syariat) tetapi ada yang lebih mustahak iaitu amalan batin dan mengetahui hakikat sesuatu dari mana asalnya iaitu dinamakan mereka hakikat, pengetahuan bagi mengerjakan itu dinamakan mereka makrifat dan cara-cara (jalan) itu dinamakan tariqat.

Inilah sebab-sebabnya maka kalimah-kalimah yang empat itu menjadi masyhur di antara mereka itu yang menunjukkan seolah-olahnya agama Allah itu diturunkan dengan bermacam-macam, ada yang hakikat, ada pula yang syariat, ada yang makrifat dan ada yang tarikat pada hal agama Islam itu bersih daripada segala keyakinan yang tersebut dan bagi agama Islam itu tidak ada tersembunyi sesuatu kerana sudah terang tiap-tiap suatunya ditunjukkan di dalam Al-Quran. Sekianlah betahan orang kepada langkahah ahli-ahli tasawuf.

Kesan-kesannya kepada yang demikian ini boleh nampak bukannya sekarang ini sahaja tetapi telah lama dan banyak orang yang sesat kerananya bahkan bayak orang yang telah gila kerananya. Tidaklah hairan dengan cara-cara yang demikian ini mudah pula orang-orang boleh mengaku ia membawa ini dan itu terutamanya seperti orang yang digelarkan "Nabi Baharu" itu tidak ada tahu membaca dan menulis dan tidak mengetahui walau sepele pun tujuan-tujuan agama kerana sedangkan disoal atas beberapa perkara yang sebegini rendahnya ia telah berdolak dalik apalagi di atas tujuan-tujuan dan maksud-maksud agama yang besar.

Dengan ini di sini suka saya memberi ingat kepada saudara-saudara saya kaum Muslimin ingatlah tatkala belajar dan menuntut ilmu agama, belajarlah dengan mengikut perjalanan agama yang benar yang berasas kepada Al-Quran dan Al-Hadis dan bagi guru-guru yang mengajar di surau, bagi menyelamatkan kaum Muslimin berilah pelajaran kepada orang yang baharu belajar itu berkenaan dengan matannya dan sesudah mereka itu tahu matannya baharu diberi pelajaran syarahnya dan kemudian baharu diajarkan hasyiahnya jangan hasyiah dahulu baharu syarah dan akhir sekali matan kerana yang demikian ini akan membawa kesesatan kepada orang-orang di belakang.

Ingatlah bahawa agama Islam itu menghendaki ikhtiar dan kekuatan tenaga dan agama Allah itu tidak menyuruh pengikut-pengikutnya malas dan bersenang diri tetapi ia disuruh bekerja berikhtiar supaya mendapat kekuatan dan dengan kekuatan itu menjadilah mereka khalifah-khalifah di bumi Allah ini.

(sambungan dari muka 16)

Pada tahun 1354 M tak dapatlah Maharaja "Kanta Kouzene" mempertahankan takhta kerajaannya disebabkan beberapa kebangkitan yang telah berlaku dan akhirnya ia telah turun dari takhta dan menyerahkan kerajaan kepada anak lelakinya yang telah memberontak itu. Kanta Kouzene telah mengasingkan diri daripada masyarakat ramai dalam sebuah gereja bersama permaisurinya "Irina" dan tinggallah ia di sana menghabiskan umur dalam beribadat dan telah mangkat pada tahun 1380

Al-Sultan Orhan pula telah jatuh gering disebabkan duka nestapanya atas kematian anakandanya Sulaiman yang telah terbunuh dalam masa berburu. Tidak berapa antaranya Sultan itupun mangkat dalam masa berusia delapan puluh tahun.

Setelah itu takhta kerajaan Uthmaniyyah telah diduduki oleh anakandanya Sultan Mirad yang pertama. Sultanah Theodore yang telah tidak melahirkan anak telah menjauhkan diri dari pandangan orang ramai dan tinggallah Al-Sultan Murad menghormatinya dan meminta buah fikirannya dalam urusan pemerintahan.

## **SEMUA ORANG SUDAH KENAL!!**

Ubat-ubat yang termahsyur pada masa ini.

(1) Makjun perkasa alam mengembalikan kekuatan muda teruna mendatangkan syahwat. Sebotol besar \$7.50.

Botol tiga suku \$6.00 –pos 50 sen.

(2) Makjun permaisuri mengangkatkan mutu kemuliaan bikir dada, menjalankan darah haid. Sebotol besar \$6.00, kecil \$3.6- - pos 50 sen.

(3) Cinta ajaib ubat cinta mencintai. Sebotol \$2.50 bersih. (4) Saiful Rijal ubat kesukaan menahan mani lama. Sebotol besar \$5.00. Kecil \$3.00.

C. MOHD. A. RAHMAN

54, Marang, Terengganu

dan 216, Kedai Payang, K. Terengganu.

Ipoh: MOHD. MOKHTAR BAKRIE

No. 14 Hale Street.